



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2024 SUPPLEMENTARY EXAMINATION**

EVIDENCE

Monday, 11 November 2024

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * **THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
 - * **YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * **YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * **GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * **RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidate MUST answer this question**

Crumpy applied and obtained a loan of RM300,000.00 from Happy Bank (“Happy”) to renovate his bridal boutique that he operated with his girlfriend, Seniorita. Crumpy engaged Miser to renovate his boutique. Crumpy had a standing instruction with Happy to pay Miser for his works progressively against the certificate by Bozo, the architect. Miser forged Bozo’s signature and issued certificates and drew down on the loan without completing the renovation. Miser sent a *WhatsApp* message to Crumpy apologizing for his actions and informed that Beast, an employee at Happy, assisted him with the drawdown. Miser has since left for Thailand. Crumpy, on realizing Miser’s fraudulent act, refused to pay the loan. Happy informed Seniorita that legal action would be taken against Crumpy if Crumpy refused to repay the loan. Seniorita, afraid of the consequences, went to see Crumpy’s lawyer, Genocide. Genocide informed Seniorita that Crumpy was liable to pay the loan. Happy has commenced legal action against Crumpy for the repayment of the loan. In his defence, Crumpy states that Happy was negligent in releasing the loan based on forged documents and, hence, is not liable to pay Happy.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, discuss the following:

(a) **The burden and standard of proof on Happy and Crumpy to establish and support their respective claim and defences.**

(15 marks)

(b) **Whether Happy can call Seniorita to give evidence of her discussion with Genocide.**

(10 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer BOTH parts of this question which are separate and independent**

- (a) The accused is charged for possession of cannabis under section 39A(1) of the Dangerous Drugs Act 1952. At the trial, the prosecution called its last witness, Andy. In the course of the examination-in-chief of Andy, the prosecution applied and was allowed to treat Andy as a hostile witness on the grounds that his evidence appeared to have contradicted his earlier recorded statement. Andy's previous statement was not produced during the trial. The accused counsel's cross-examination of Andy was interrupted by the trial Magistrate who stopped the accused counsel from continuing with his cross-examination of Andy on the grounds that Andy's evidence was doubtful and was not accepted by the court. After calling for the defence, the Magistrate proceeded to convict and sentence the accused. The accused appealed against the conviction and sentence contending that a miscarriage of justice had occurred during Andy's cross-examination at the trial.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, advise the accused on his contention of the miscarriage of justice.

(10 marks)

- (b) **With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, discuss and explain the following:**

(i) *Voir dire*

(8 marks)

(ii) **Real evidence**

(7 marks)

3. Barbara is the owner of Barbie's Bakery. She entered into an agreement to purchase a heavy-duty oven from CakeBake Sdn. Bhd. ("CakeBake") for the price of RM100,000.00. Before entering into the agreement, Ken, the managing director of CakeBake, informed Barbara that such a heavy-duty oven was used by the famous chef, Martha Stewart, and her deposit could be refunded if she was dissatisfied with the services.

Barbara was excited and made an online transfer of RM25,000.00 to CakeBake as requested and was issued a computer-generated receipt for the deposit.

According to the agreement, CakeBake was supposed to install the oven and provide training to Barbara's staff.

One month later, Phil, a technician of CakeBake, installed the oven at Barbie's Bakery as instructed but did not provide training to Barbara's staff on how to use the oven. Phil prepared a report on the installation only, but the report did not contain anything regarding the staff training.

A CCTV recording at Barbie's Bakery also showed Phil merely installing the oven and then leaving. There was no recording of any training being conducted.

Barbara was displeased and went over to meet Ken. On the way to meet Ken, Barbara stopped at a coffee shop to have a cup of coffee when her briefcase containing the agreement to purchase the oven was stolen.

Barbara met Ken, who told her that CakeBake had not received her deposit of RM25,000.00.

Barbara asked to speak with Phil but was told that Phil was no longer working for CakeBake but his report was available.

Barbara seeks your advice on taking legal action against CakeBake.

Discuss, with reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, the evidential issues raised above that Barbara will have to consider in contemplating legal action against Cakebake.

(25 marks)

4. Answer ALL parts of this question

Six-year-olds Lilly and Minnie were playing at a playground when Sai Koh and Man Nia approached and offered them chocolates, claiming that Winnie the Pooh was waiting nearby to see them. Excited, the girls agreed to follow them.

The girls were taken to a rubber estate, where Sai Koh and Man Nia tied them up and Man Nia allegedly raped them. When Lilly screamed, Sai Koh knocked her unconscious.

Upon hearing a car nearby, Sai Koh and Man Nia fled. The girls were found 5 hours later and taken to a hospital where Dr. Fi Fi examined them and found that there was recent sexual intercourse. Lilly had also suffered injuries from being hit on the head.

During their medical examination, the girls told Dr. Fi Fi what happened. Minnie said one of the men put his “cacing” in her panties, while Lilly said Winnie the Pooh did painful things to her.

The police subsequently arrested Sai Koh and Man Nia and charged them with the rape of Lilly and Minnie. Man Nia put forward a defence of alibi.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, advise the Deputy Public Prosecutor (DPP) on the following:

(a) **The issues the DPP will encounter in calling Lilly and Minnie as witnesses in the criminal trial of Sai Koh and Man Nia.**

(12 marks)

(b) **The evidential issues arising in Dr. Fi Fi's evidence.**

(8 marks)

(c) **The burden and standard of proof of Man Nia's defence of alibi.**

(5 marks)

5. Answer ALL parts of this question

Tangerine Sdn. Bhd. ("Tangerine") was successful in a tender and was engaged to construct a multi-storey shopping mall on a hilltop for Prestige Shopping Centre ("Prestige"). In the course of the construction, Prestige was engaged in a dispute with Cider, the owner of the land below the hilltop development. Cider claimed that Tangerine's construction works had damaged his land and that the hilltop development was dangerous. Cider has gathered his neighbours and other residents and initiated an online signature campaign that has garnered over 1000 signatures to oppose and stop the construction of the shopping mall. With the online signatures, Cider has demanded action by the local authority to issue stop-work orders. The local authority convened a meeting with Cider. At the meeting, the local authority explained that they approved the hilltop development after Prestige's experts suggested in their report that the development was reasonably safe and declined Cider's request for stop-work orders. Cider, being dissatisfied, has commenced legal proceedings against Prestige to stop the construction works on the shopping mall. Tangerine, in an email to Cider marked without prejudice, agreed with Cider's concerns and offered to repair the damage caused to his land should he withdraw his legal action. At the trial, during Cider's counsel's cross-examination of Hugo (Tangerine's engineer), Hugo confirmed that Prestige's expert report stated that the hilltop construction must be carried out with several safety measures. Prestige did not tender the expert report at the trial.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law, advise Cider on the following:

- (a) **Whether he could tender Tangerine's email at the trial.**
(8 marks)
- (b) **How could he admit the online signatures that he managed to garner in the campaign at the trial?**
(5 marks)
- (c) **Without calling any person from the local authority, whether he could admit the minutes of the meeting with the local authority at the trial.**
(5 marks)
- (d) **The consequences of Prestige's failure to produce the expert report at the trial.**
(7 marks)

6. Answer BOTH parts of this question which are separated and independent

- (a) Section 114(b) of the Evidence Act 1950 provides that the court may presume that an accomplice is unworthy of credit unless he is corroborated in material particular, whilst section 133 of the Evidence Act 1950 provides that a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

Explain the contradiction, if any, between the two provisions.

(10 marks)

- (b) **Both sections 6 and 32(1)(a) of the Evidence Act 1950 are relied on as exceptions to the hearsay rule. Upon careful scrutiny of both provisions, however, there are several differences. Discuss the differences.**

(15 marks)

7. Answer ALL parts of this question

Donald and Daisy had their marriage solemnized on 8 August 2018 at 3.00 p.m. Donald had a 12-year-old son, Mah Vin, from his previous marriage to Mona.

Donald and Daisy divorced on 15 January 2021.

Consider the following situations (separately and independently), with reference to presumptions that may be found in the Evidence Act 1950 and relevant case law:

- (a) Daisy, pregnant with twins, conceived before marriage, went into labour while Donald arranged for a marriage registrar to be on standby in the labour room. She gave birth to Baby X, a girl, at 2.30 p.m. Donald insisted on proceeding with the marriage registration immediately, which was solemnized at 3.00 p.m. Daisy then gave birth to a boy, Baby Y, at 3.20 p.m.

Advise on the legitimacy and paternity of Baby X and Baby Y.

(8 marks)

- (b) Daisy wanted to have her father's property divided according to the law. Her father, Goh Moh, went missing in 2015.

Advise Daisy on how she should deal with her father's absence before dealing with the division of her father's property.

(7 marks)

- (c) Donald's stepson, Mah Vin, was arrested for the rape of his 11-year-old neighbour, Lulu. The prosecution is considering framing a charge against Mah Vin.

Advise Donald on how Mah Vin's matter should be dealt with.

(5 marks)

- (d) Donald had a property that he had rented out to Jerry. Although there was no tenancy agreement, Jerry had paid a monthly amount of RM1,000.00 which he had credited directly into Donald's account. Donald has now discovered that the property has been damaged and wants Jerry to pay for it. Jerry refuses.

Advise Donald on how he should first establish Jerry's tenancy.

(5 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2024**

KETERANGAN

Isnin, 11 November 2024

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 10 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Crumpy telah memohon dan memperoleh suatu pinjaman sebanyak RM300,000.00 daripada Bank Happy (“Happy”) untuk mengubah suai butik pengantinnya yang dikendalikannya dengan teman wanitanya, Senorita. Crumpy telah mengambil khidmat Miser untuk mengubah suai butiknya. Crumpy telah membuat arahan tetap dengan Happy untuk membayar Miser bagi kerja-kerjanya secara berperingkat berdasarkan perakuan oleh Bozo, seorang arkitek. Miser telah memalsukan tandatangan Bozo dan telah mengeluarkan perakuan dan menerima wang daripada pinjaman itu tanpa menyiapkan pengubahsuaian itu. Miser telah menghantar mesej *WhatsApp* kepada Crumpy untuk meminta maaf atas tindakannya dan memaklumkan bahawa Beast, seorang pekerja di Happy, telah membantunya dalam penerimaan wang itu. Sejak itu, Miser telah pergi ke Thailand. Apabila menyedari perbuatan fraud Miser, Crumpy enggan membayar pinjaman itu. Happy memaklumkan Senorita bahawa tindakan undang-undang akan diambil terhadap Crumpy jika Crumpy enggan membayar balik pinjaman itu. Senorita, yang takut dengan akibatnya, telah pergi berjumpa dengan peguam Crumpy, Genocide. Genocide telah memaklumkan Senorita bahawa Crumpy bertanggungjawab untuk membayar pinjaman itu. Happy telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Crumpy bagi pembayaran balik pinjaman itu. Dalam pembelaannya, Crumpy menyatakan bahawa Happy telah cuai dalam melepaskan pinjaman itu berdasarkan dokumen palsu dan, oleh yang demikian, tidak bertanggungjawab untuk membayar Happy.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan perkara yang berikut:

- (a) **Beban dan standard pembuktian terhadap Happy dan Crumpy untuk membuktikan dan menyokong dakwaan dan pembelaan mereka masing-masing.**

(15 markah)

- (b) Sama ada Happy boleh memanggil Senorita untuk memberikan keterangan mengenai perbincangannya dengan Genocide.

(10 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. **Jawab KEDUA-DUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Tertuduh dipertuduh atas pemilikan kanabis di bawah seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Semasa perbicaraan, pihak pendakwaan telah memanggil saksi terakhirnya, Andy. Semasa pemeriksaan utama Andy, pihak pendakwaan telah memohon dan telah dibenarkan untuk menganggap Andy sebagai saksi belot atas alasan bahawa keterangannya dilihat telah bercanggah dengan pernyataan berakamnya yang lebih awal. Pernyataan Andy yang terdahulu telah tidak dikemukakan semasa perbicaraan. Pemeriksaan balas terhadap Andy oleh peguam tertuduh telah diganggu oleh Majistret perbicaraan yang menghentikan peguam tertuduh daripada meneruskan pemeriksaan balasnya terhadap Andy atas alasan bahawa keterangan Andy diragui dan tidak diterima oleh mahkamah. Selepas memanggil pihak pembelaan, Majistret terus mensabitkan dan menghukum tertuduh. Tertuduh telah merayu terhadap sabitan dan hukuman itu dengan menegaskan bahawa suatu salah laksana keadilan telah berlaku semasa pemeriksaan balas Andy pada perbicaraan itu.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, berikan nasihat kepada tertuduh mengenai dakwaannya tentang salah laksana keadilan.

(10 markah)

(b) **Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan dan jelaskan perkara yang berikut:**

(i) *Voir dire*

(8 markah)

(ii) **Keterangan nyata**

(7 markah)

3. Barbara merupakan pemilik Kedai Roti Barbie. Dia telah membuat suatu perjanjian untuk membeli sebuah ketuhar tugas berat daripada CakeBake Sdn. Bhd. ("CakeBake") dengan harga RM100,000.00. Sebelum membuat perjanjian itu, Ken, pengarah urusan CakeBake, telah memaklumkan Barbara bahawa ketuhar tugas berat itu telah digunakan oleh cef terkenal, Martha Stewart, dan depositnya boleh dibayar balik jika dia tidak berpuas hati dengan perkhidmatan itu.

Barbara menjadi teruja dan telah membuat pemindahan dalam talian sebanyak RM25,000.00 kepada CakeBake sebagaimana yang diminta dan telah dikeluarkan kepadanya suatu resit yang dijana oleh komputer bagi deposit itu.

Mengikut perjanjian itu, CakeBake sepatutnya memasang ketuhar itu dan memberikan latihan kepada kakitangan Barbara.

Sebulan kemudian, Phil, seorang juruteknik CakeBake, telah memasang ketuhar itu di Kedai Roti Barbie sebagaimana yang diarahkan tetapi tidak memberikan latihan kepada kakitangan Barbara bagaimana untuk menggunakan ketuhar itu. Phil telah menyediakan laporan mengenai pemasangan itu sahaja, tetapi laporan itu tidak mengandungi apa-apa pun berkenaan dengan latihan kakitangan.

Rakaman kamera litar tertutup di Kedai Roti Barbie juga menunjukkan Phil sedang memasang ketuhar itu semata-mata dan kemudiannya meninggalkan tempat itu. Tiada rakaman mengenai apa-apa latihan dijalankan.

Barbara marah dan telah pergi untuk berjumpa dengan Ken. Dalam perjalanannya untuk berjumpa dengan Ken, Barbara telah berhenti di suatu kedai kopi untuk minum secawan kopi apabila beg bimbitya yang mengandungi perjanjian untuk membeli ketuhar itu telah dicuri.

Barbara telah berjumpa dengan Ken, yang memberitahunya bahawa CakeBake telah tidak menerima depositnya sebanyak RM25,000.00.

Barbara telah meminta untuk bercakap dengan Phil tetapi telah diberitahu bahawa Phil tidak lagi bekerja dengan CakeBake tetapi laporannya ada tersedia.

Barbara ingin mendapatkan nasihat anda mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap CakeBake.

Bincangkan, dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, isu keterangan yang berbangkit di atas yang perlu dipertimbangkan oleh Barbara dalam memikirkan tindakan undang-undang terhadap CakeBake.

(25 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Lilly dan Minie yang berusia enam tahun sedang bermain di taman permainan apabila Sai Koh dan Man Nia mendatangi mereka dan menawarkan coklat kepada mereka dengan mengatakan bahawa *Winnie the Pooh* sedang menunggu di kawasan berdekatan untuk berjumpa dengan mereka. Dalam keterujaan, kanak-kanak perempuan itu bersetuju untuk mengikuti mereka.

Kanak-kanak perempuan itu telah dibawa ke sebuah ladang getah di mana Sai Koh dan Man Nia telah mengikat mereka dan Man Nia dikatakan telah merogol mereka. Apabila Lilly menjerit, Sai Koh telah memukulnya sehingga tidak sedarkan diri.

Apabila mendengar bunyi kereta yang berdekatan, Sai Koh dan Man Nia telah melarikan diri. Kanak-kanak perempuan itu dijumpai 5 jam selepas itu dan telah dibawa ke hospital di mana Dr. Fi Fi telah memeriksa mereka dan mendapati bahawa terdapat hubungan seksual baru-baru ini. Lilly juga telah mengalami kecederaan akibat dipukul di kepala.

Semasa pemeriksaan perubatan mereka, kanak-kanak perempuan itu telah memberitahu Dr. Fi Fi apa yang telah berlaku. Minnie menyatakan bahawa salah seorang daripada lelaki itu telah meletakkan “cacing” ke dalam seluar dalamnya, sementara Lilly menyatakan bahawa *Winnie the Pooh* telah melakukan perkara yang menyakitkan terhadapnya.

Polis kemudiannya telah menangkap Sai Koh dan Man Nia dan menuduh mereka merogol Lilly dan Minnie. Man Nia telah mengemukakan pembelaan *alibi*.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, berikan nasihat kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) mengenai perkara yang berikut:

(a) **Isu-isu yang akan dihadapi oleh TPR dalam memanggil Lilly dan Minnie sebagai saksi-saksi dalam perbicaraan jenayah Sai Koh dan Man Nia.**

(12 markah)

(b) **Isu-isu keterangan yang timbul daripada keterangan Dr. Fi Fi.**

(8 markah)

(c) **Beban dan standard pembuktian bagi pembelaan *alibi* Man Nia.**

(5 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Tangerine Sdn. Bhd. (“Tangerine”) telah berjaya dalam suatu tender dan telah diambil khidmat untuk membina suatu gedung membeli belah bertingkat-tingkat di atas puncak bukit bagi Pusat Membeli-Belah Prestige (“Prestige”). Semasa dalam pembinaan, Prestige telah terlibat dalam pertikaian dengan Cider, pemilik tanah yang terletak di bahagian bawah pembangunan puncak bukit itu. Cider telah mendakwa bahawa kerja-kerja pembinaan Tangerine telah merosakkan tanahnya dan bahawa pembangunan puncak bukit itu adalah berbahaya. Cider telah menghimpunkan jiran-jirannya dan penduduk lain dan memulakan kempen tandatangan dalam talian yang telah mengumpulkan lebih 1000 tandatangan untuk menentang dan menghentikan pembinaan gedung membeli belah itu. Dengan tandatangan dalam talian itu, Cider telah mendesak supaya tindakan diambil oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengeluarkan perintah hentikan kerja. Pihak berkuasa tempatan telah mengadakan suatu perjumpaan dengan Cider. Semasa perjumpaan itu, pihak berkuasa tempatan menjelaskan bahawa mereka telah pun meluluskan pembangunan puncak bukit itu selepas pakar Prestige mencadangkan dalam laporan mereka bahawa pembangunan itu adalah semunasabahnya selamat dan telah menolak permintaan Cider bagi perintah hentikan kerja. Cider, yang tidak berpuas hati, telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Prestige untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan gedung membeli belah itu. Tangerine, dalam suatu e-mel kepada Cider yang ditandakan tanpa prejudis, bersetuju dengan kekhuatiran Cider dan menawarkan untuk membaiki kerosakan yang diakibatkan ke atas tanahnya jika dia menarik balik tindakan undang-undangnya. Pada perbicaraan, semasa pemeriksaan balas terhadap Hugo (jurutera Tangerine) oleh peguam Cider, Hugo mengesahkan bahawa laporan pakar Prestige menyatakan bahawa pembinaan puncak bukit itu mestilah dijalankan dengan beberapa langkah keselamatan. Prestige tidak mengemukakan laporan pakar itu di perbicaraan itu.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, berikan nasihat kepada Cider mengenai perkara yang berikut:

(a) Sama ada dia boleh mengemukakan e-mel Tangerine semasa perbicaraan itu.

(8 markah)

(b) Bagaimanakah dia boleh mengemukakan tandatangan dalam talian yang berjaya dikumpulkannya dalam kempen itu semasa perbicaraan itu?

(5 markah)

(c) Tanpa memanggil mana-mana orang daripada pihak berkuasa tempatan, sama ada dia boleh mengemukakan minit perjumpaannya dengan pihak berkuasa tempatan semasa perbicaraan itu.

(5 markah)

(d) Akibat kegagalan Prestige untuk mengemukakan laporan pakar semasa perbicaraan itu.

(7 markah)

6. **Jawab KEDUA-DUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

(a) Seksyen 114(b) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh menganggap bahawa seseorang rakan sejenayah tidak boleh dipercayai melainkan jika dia disokong dengan butir-butir material, manakala seksyen 133 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa sesuatu sabitan tidaklah menyalahi undang-undang semata-mata oleh sebab sabitan itu berpunca daripada testimoni tidak disokong yang diberikan oleh seorang rakan sejenayah.

Jelaskan percanggahan, jika ada, antara dua peruntukan ini.

(10 markah)

- (b) **Kedua-dua seksyen 6 dan 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 digunakan sebagai pengecualian kepada rukun dengar cakap. Selepas penelitian yang berhati-hati terhadap kedua-dua peruntukan itu, walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan. Bincangkan perbezaan itu.**

(15 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Donald dan Daisy telah melangsungkan upacara perkahwinan mereka pada 8 Ogos 2018 pada pukul 3.00 petang. Donald mempunyai seorang anak lelaki yang berusia 12 tahun, Mah Vin, daripada perkahwinannya yang terdahulu dengan Mona.

Donald dan Daisy telah bercerai pada 15 Januari 2021.

Pertimbangkan situasi yang berikut (secara berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain), dengan merujuk kepada anggapan yang boleh didapati dalam Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan:

- (a) Daisy, yang hamil dengan anak kembar, yang dikandungkannya sebelum perkahwinan, telah bersalin semasa Donald sedang mengaturkan supaya seorang pendaftar perkahwinan bersiap sedia di dalam bilik bersalin. Dia telah melahirkan Bayi X, seorang bayi perempuan, pada pukul 2.30 petang. Donald berkeras untuk meneruskan pendaftaran perkahwinan itu dengan segera, yang telah diupacarkan pada pukul 3.00 petang. Daisy kemudiannya telah melahirkan seorang bayi lelaki, Bayi Y, pada pukul 3.20 petang.

Berikan nasihat mengenai kesahtarafan dan paterniti Bayi X dan Bayi Y.

(8 markah)

- (b) Daisy mahukan supaya harta bapanya dibahagikan mengikut undang-undang. Bapanya, Goh Moh, telah hilang pada tahun 2015.

Berikan nasihat kepada Daisy mengenai bagaimana dia sepatutnya mengendalikan hal ketiadaan bapanya sebelum mengendalikan pembahagian harta bapanya.

(7 markah)

- (c) Anak tiri lelaki Donald, Mah Vin, telah ditangkap kerana merogol jirannya, Lulu, yang berusia 11 tahun. Pihak pendakwaan sedang mempertimbangkan untuk merangka pertuduhan terhadap Mah Vin.

Berikan nasihat kepada Donald bagaimana hal mengenai Mah Vin sepatutnya dikendalikan.

(5 markah)

- (d) Donald mempunyai harta yang telah disewakannya kepada Jerry. Walaupun tiada perjanjian penyewaan, Jerry telah membayar amaun secara bulanan sebanyak RM1,000.00 yang telah dikreditkan olehnya secara terus ke dalam akaun Donald. Donald kini telah mendapati bahawa harta itu telah rosak dan mahu Jerry membayar bagi harta itu. Jerry enggan.

Berikan nasihat kepada Donald bagaimana dia sepatutnya terlebih dahulu membuktikan penyewaan oleh Jerry.

(5 markah)

oOOo